



**NEGERI JOHOR**  
**WARTA KERAJAAN**  
**DITERBITKAN DENGAN KUASA**  
**GOVERNMENT OF NEGERI JOHOR GAZETTE**  
**PUBLISHED BY AUTHORITY**

---

**Jil. 49**

**2008**

**TAMBAHAN NO 08**

**No. 15**

**PERUNDANGAN**

---

**J.P.U. 34**

**AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976**

**KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM)**  
**(NEGERI JOHOR) 2008**

**SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH**

**Kaedah**

1. Tajuk dan permulaan kuat kuasa
2. Permohonan untuk kebenaran merancang
3. Permohonan untuk melanjutkan atau melanjutkan lagi kebenaran merancang
4. Fi
5. Maklumat dan keterangan
6. Penyelenggaraan daftar permohonan
7. Notis kepada tuan punya tanah berjiranan
8. Perundingan
9. Notis untuk kebenaran merancang
10. Notis kepada pembantah akan pemberian kebenaran merancang
11. Perintah membatalkan kebenaran merancang atau kelulusan pelan bangunan
12. Tuntutan bagi pampasan dan kos
13. Notis-notis di bawah seksyen 27
14. Notis-notis di bawah seksyen 28
15. Notis-notis di bawah seksyen 29
16. Notis rekuisisi
17. Perakuan pematuhan
18. Notis beli
19. Tuntutan berikutan pematuhan notis rekuisisi

- 
20. Kad kuasa
  21. Kadar sumbangan tempat letak kereta
  22. Jawatankuasa Mendengar Bantahan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

JADUAL KELIMA

JADUAL KEENAM

JADUAL KETUJUH

JADUAL KELAPAN

JADUAL KESEMBLAN

---

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976  
(AKTA 172)

KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 2008

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen 58(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Pihak Berkuasa Negeri Johor membuat kaedah-kaedah yang berikut:

BAHAGIAN I  
PERMULAAN

**Tajuk dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan (Am) 2008** dan hendaklah dipakai bagi semua kawasan pihak berkuasa tempatan dalam Negeri Johor.

(2) Kaedah ini hendaklah berkuat kuasa mulai dari tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

**Permohonan untuk kebenaran merancang**

2. (1) Sesuatu permohonan untuk kebenaran merancang berkenaan dengan sesuatu pemajuan hendaklah dibuat melalui Borang A Jadual Pertama.

(2) Sesuatu permohonan itu hendaklah mengandungi apa-apa butir dan disertakan dengan apa-apa dokumen dan pelan yang ditetapkan melalui Jadual Kedua.

(3) Sesuatu arahan bertulis di bawah subseksyen 21(3) Akta yang diberi kepada pemohon untuk meminda rancangan pelan hendaklah dibuat melalui Borang A(1) Jadual Pertama.

(4) Sesuatu arahan bertulis di bawah subseksyen 21(4) Akta yang diberi kepada pemohon, hendaklah setelah dibuat pindaan ke atas rancangan pelan dikembalikan semula kepada pihak berkuasa perancang tempatan dalam tempoh 1 minggu atau suatu tempoh yang ditentukan oleh pihak berkuasa perancang tempatan

---

atau satu tempoh yang boleh dilanjutkan atas rekuisisi pemohon dan dipersetujui oleh pihak berkuasa perancang tempatan melalui Borang A(2) Jadual Pertama.

**Permohonan untuk melanjutkan atau melanjutkan lagi kebenaran merancang**

3. Sesuatu permohonan untuk pelanjutan atau pelanjutan tambahan kebenaran merancang hendaklah dibuat melalui Borang B Jadual Pertama.

**Fi**

4. Fi untuk kebenaran merancang, melanjutkan atau melanjutkan lagi kebenaran merancang dan tambahan untuk kebenaran tersebut hendaklah seperti yang dinyatakan melalui Bahagian Satu, Bahagian Dua dan Bahagian Tiga Jadual Ketiga.

**Maklumat dan keterangan**

5. (1) Jika sesuatu permohonan untuk kebenaran merancang melibatkan pembinaan sesebuah bangunan, pihak berkuasa perancang tempatan boleh menghendaki pemohon supaya memberikan apa-apa maklumat tambahan yang perlu untuk membolehkan pihak berkuasa perancang tempatan membuat keputusan atas permohonan itu merujuk kepada manual yang digunapakai.

(2) Pihak berkuasa perancang tempatan boleh menghendaki seseorang pemohon untuk kebenaran merancang supaya menunjukkan apa-apa keterangan yang munasabah untuk menyokong apa-apa maklumat yang telah diberi dalam atau berhubungan dengan permohonannya.

**Penyelenggaraan daftar permohonan**

6. Pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah menyelenggara suatu Daftar Permohonan dalam mana hendaklah dicatatkan butir-butir permohonan apabila sahaja diterima sesuatu permohonan untuk kebenaran merancang merujuk kepada sistem yang digunapakai.

**Notis kepada pemunya tanah berjiran**

7. (1) Sesuatu notis bertulis yang disampaikan kepada pemunya tanah berjiran di bawah subseksyen 21(6) Akta hendaklah diisi melalui Borang A Jadual Keempat.

---

(2) Dalam keadaan di mana pemunya tanah berjiran tidak dapat dihubungi, suatu bentuk pemberitahuan perlu dilakukan bagi memenuhi keperluan subseksyen 21(6).

### **Perundingan**

8. Sebelum memutuskan sesuatu permohonan untuk kebenaran merancang, pihak berkuasa perancang tempatan bolehlah berunding dengan pihak berkuasa, jabatan, kumpulan, persatuan, pertubuhan atau mana-mana orang yang difikirkan berkepentingan.

### **Notis untuk kebenaran merancang**

9. (1) Kebenaran merancang hendaklah diberi melalui Borang C(1) Jadual Pertama.

(2) Sesuatu penolakan dalam memberi kebenaran merancang hendaklah dibuat melalui Borang C(2) Jadual Pertama.

### **Notis kepada pembantah akan pemberian kebenaran merancang**

10. Sesuatu notis pemberian kebenaran merancang yang hendak diberi kepada seorang pembantah di bawah subseksyen 22(6) Akta hendaklah dikemukakan melalui Borang B Jadual Keempat.

### **Perintah membatalkan kebenaran merancang atau kelulusan pelan bangunan**

11. (1) Sesuatu perintah di bawah subseksyen 25(1) Akta yang membatalkan suatu kebenaran merancang atau suatu kelulusan pelan bangunan dan suatu perintah di bawah seksyen tersebut yang mengubahsuai kebenaran atau kelulusan, hendaklah masing-masing dibuat melalui Borang C(1) dan C(2) Jadual Keempat.

(2) Satu salinan perintah hendaklah disampaikan kepada orang yang kebenaran merancang atau kelulusan pelan bangunan telah diberi selepas jawatankuasa memberikan pengesahannya mengikut subseksyen 25(2) Akta, hendaklah dibuat melalui Borang C(1) atau C(2) Jadual Keempat.

---

### **Tuntutan bagi pampasan dan kos**

12. (1) Sesuatu tuntutan bagi pampasan di bawah subseksyen 25(7) Akta hendaklah dibuat melalui Borang A Jadual Kelima dalam tempoh 6 bulan selepas disampaikan perintah yang membatalkan kebenaran merancang yang diberi di bawah subseksyen 22(3) Akta, atau kelulusan pelan bangunan yang diberi di bawah undang-undang kerajaan tempatan yang terdahulu ke atas orang yang telah diberi kebenaran atau kelulusan merancang.

(2) Sesuatu tuntutan bagi kos dan pampasan di bawah subseksyen 25(8) Akta hendaklah dibuat melalui Borang B Jadual Kelima dalam tempoh 6 bulan selepas disampaikan perintah mengubahsuai kebenaran merancang yang diberi di bawah subseksyen 22(3) Akta, atau kelulusan pelan bangunan yang diberi di bawah undang-undang kerajaan tempatan yang terdahulu ke atas orang yang telah diberi kepadanya kebenaran atau kelulusan merancang.

### **Notis-notis di bawah seksyen 27**

13. (1) Sesuatu notis di bawah perenggan 27(2)(a) Akta menghendaki supaya dipulihkan tanah kepada keadaan asalnya, dalam hal pemajuan tanpa kebenaran merancang, hendaklah dibuat melalui Borang D Jadual Keempat.

(2) Sesuatu notis di bawah perenggan 27(2)(b) Akta menghendaki supaya diberhentikan pemajuan dan dipulihkan tanah kepada keadaan asalnya, dalam hal pemajuan tanpa kebenaran merancang, hendaklah dibuat melalui Borang E Jadual Keempat.

(3) Sesuatu notis di bawah subseksyen 27(3) Akta menghendaki supaya memohon kebenaran merancang, dalam hal pemajuan tanpa kebenaran merancang, hendaklah dibuat melalui Borang F Jadual Keempat.

(4) Sesuatu notis di bawah subseksyen 27(4) Akta menghendaki supaya dihentikan pemajuan, dalam hal pemajuan tanpa kebenaran merancang, hendaklah dibuat melalui Borang G Jadual Keempat.

---

(5) Sesuatu notis di bawah subseksyen 27(8) Akta menghendaki supaya dipulihkan tanah kepada keadaan asalnya, selepas kegagalan memohon atau mendapat kebenaran merancang, hendaklah dibuat melalui Borang H Jadual Keempat.

**Notis-notis di bawah seksyen 28**

14. (1) Sesuatu notis di bawah perenggan 28(2)(a) Akta menghendaki supaya pemajuan diselaraskan dengan kebenaran merancang dan syarat-syaratnya, atau supaya dipulihkan tanah kepada keadaan asalnya, dalam hal pemajuan yang tidak selaras dengan kebenaran merancang dan syarat-syaratnya, hendaklah masing-masing dibuat melalui Borang I(1) dan I(2) Jadual Keempat.

(2) Sesuatu notis di bawah perenggan 28(2)(b) Akta menghendaki supaya dihentikan pemajuan dan diselaraskan dengan kebenaran merancang dan syarat-syarat berkenaan, hendaklah masing-masing dibuat melalui Borang J(1) dan J(2) Jadual Keempat.

(3) Sesuatu notis di bawah subseksyen 28(3) Akta menghendaki supaya suatu permohonan untuk kebenaran merancang yang baru dibuat, dalam hal pemajuan yang tidak selaras dengan kebenaran merancang dan syarat-syaratnya, hendaklah dibuat melalui Borang K Jadual Keempat.

(4) Sesuatu notis di bawah subseksyen 28(4) Akta menghendaki supaya sesuatu pemajuan dihentikan, dalam hal pemajuan yang tidak selaras dengan kebenaran merancang dan syarat-syaratnya, hendaklah dibuat melalui Borang L Jadual Keempat.

(5) Sesuatu notis di bawah subseksyen 28(8) Akta untuk tujuan menyelaraskan pemajuan dengan kebenaran merancang dan syarat-syaratnya, hal di mana permohonan tidak dibuat bagi kebenaran merancang yang baru atau permohonan berkenaan kebenaran merancang yang baru ditolak di bawah subseksyen 28 (4) Akta, hendaklah dibuat melalui Borang M Jadual Keempat.

(6) Sesuatu notis di bawah subseksyen 28(8) Akta untuk memulihkan tanah kepada keadaan asalnya, berkenaan dengan hal di mana permohonan bagi

---

kebenaran merancang yang baru tidak dibuat atau permohonan bagi kebenaran merancang yang baru ditolak di bawah subseksyen 28(3) Akta, hendaklah dibuat melalui Borang N Jadual Keempat.

### **Notis-notis di bawah seksyen 29**

15. (1) Sesuatu notis di bawah perenggan 29(2)(a) Akta untuk menyelaraskan pemajuan dengan kebenaran merancang yang telah dipinda, atau pelan bangunan yang diluluskan yang telah dipinda dalam hal pemajuan yang tidak bersesuaian dengan kebenaran merancang yang telah dipinda atau diluluskan, hendaklah dibuat melalui Borang O Jadual Keempat.

(2) Sesuatu notis di bawah perenggan 29(2)(b) Akta menghendaki supaya sesuatu pemajuan dihentikan dan disesuaikan dengan kebenaran merancang yang telah dipinda atau pelan bangunan yang diluluskan yang telah dipinda, dalam hal pemajuan yang tidak bersesuaian dengan kebenaran merancang yang telah dipinda atau diluluskan, hendaklah dibuat melalui Borang P Jadual Keempat.

(3) Sesuatu notis di bawah subseksyen 29(3) Akta menghendaki supaya tanah dipulihkan kepada keadaan asalnya, dalam hal pemajuan yang tidak bersesuaian dengan kebenaran merancang yang telah dipinda atau pelan bangunan yang diluluskan yang telah dipinda, hendaklah dibuat melalui Borang Q Jadual Keempat.

### **Notis rekuisisi**

16. (1) Sesuatu notis rekuisisi di bawah subseksyen 30(1) Akta untuk menghentikan penggunaan tanah hendaklah dibuat melalui Borang R Jadual Keempat.

(2) Sesuatu notis rekuisisi di bawah subseksyen 30(1) Akta untuk mengenakan syarat-syarat ke atas penggunaan tanah yang berterusan hendaklah dibuat melalui Borang S Jadual Keempat.

(3) Sesuatu notis rekuisisi di bawah subseksyen 30(1) Akta untuk mengubah atau memindah bangunan atau kerja-kerja di atas tanah hendaklah dibuat melalui Borang T Jadual Keempat.



---

### **Perakuan pematuhan**

17. Apabila sahaja dipatuhi kehendak-kehendak sesuatu notis rekuisisi, pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pematuhan kepada orang yang telah disampaikan notis.

### **Notis pembelian**

18. (1) Sesuatu notis pembelian di bawah seksyen 37 Akta hendaklah dibuat melalui Borang U(1) atau U(2) Jadual Keempat.

(2) Penyerahan notis pembelian ke atas pihak berkuasa perancang tempatan akan dikuatkuasakan dengan menghantarnya melalui pos berdaftar kepada pihak berkuasa perancang tempatan.

### **Tuntutan berikutan pematuhan notis rekuisisi**

19. (1) Sesuatu tuntutan di bawah subseksyen 30(5) Akta bagi perbelanjaan atau kos menjalankan kerja-kerja untuk mematuhi notis rekuisisi hendaklah dibuat melalui Borang C Jadual Kelima dan hendaklah dibuat dalam tempoh satu bulan dari tarikh pihak berkuasa perancang tempatan memperakui bahawa notis rekuisisi telah dipatuhi.

(2) Sesuatu tuntutan di bawah subseksyen 30(5) Akta bagi kerosakan yang berupa susut nilai tanah yang dialami berikutan dengan pematuhan notis rekuisisi hendaklah dibuat melalui Borang D Jadual Kelima dan hendaklah dibuat dalam tempoh 6 bulan dari tarikh pihak berkuasa perancang tempatan memperakui bahawa notis rekuisisi telah dipatuhi.

### **Kad kuasa**

20. (1) Kad kuasa yang hendak dibawa sendiri oleh seseorang yang membuat kemasukan dibawah subseksyen 45(1) Akta hendaklah melalui Borang X Jadual Keenam.

(2) Kad kuasa hendaklah diembos dengan meterai pihak berkuasa perancang tempatan dan embos patut juga dibuat supaya meterai atau sebahagian daripadanya kelihatan pada fotograf pembawa.

---

**Kadar sumbangan tempat letak kereta**

21. Bayaran kadar sumbangan parkir dalam kawasan pusat bandar hendaklah seperti yang dinyatakan di Jadual Ketujuh.

**Jawatankuasa Mendengar Bantahan**

22. (1) Sesuatu bantahan yang diterima bawah subseksyen 21(6) Akta, di peringkat pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah didengar oleh suatu Jawatankuasa Mendengar Bantahan yang dilantik di bawah subseksyen 21(7) Akta mengikut Jadual Kelapan.

(2) Sesuatu bantahan yang diterima bawah subseksyen 21(6) Akta, di peringkat pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah didengar oleh suatu Jawatankuasa Mendengar Bantahan yang dilantik di bawah subseksyen 21(7) Akta mengikut Jadual Kesembilan.

---

JADUAL PERTAMA

KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 2008  
NEGERI JOHOR

**BORANG A**

PERMOHONAN UNTUK KEBENARAN MERANCANG

[ Subkaedah 2(1) ]

Mengikut

Subseksyen 21(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Kepada Pihak Berkuasa Perancang Tempatan,  
Pengarah Negeri JPBD Johor/Majlis \*Bandaraya/ Perbandaran/ Daerah,

.....  
.....  
.....


Saya/kami.....

*(Nama penuh pemohon dengan huruf besar)*

beralamat.....

No. KPPN ..... dengan ini memohon untuk kebenaran merancang berkenaan dengan pemajuan yang berikut:

- <sup>+</sup>  (a) untuk \*mendirikan/membina/menjalankan di atas tanah yang diperihalkan di bawah ini \*suatu bangunan/bangunan-bangunan/kerja-kerja mengikut pelan yang disertakan;
- (b) untuk membuat perubahan yang matan dalam penggunaan tanah mengikut pelan susun atur yang disertakan;
- (c) untuk membuat perubahan yang matan dalam penggunaan bangunan / bangunan-bangunan di atas tanah yang diperihalkan di bawah ini mengikut pelan yang disertakan;
- (d) untuk menjalankan tambahan ke atas sesuatu bangunan di atas tanah yang diperihalkan di bawah ini mengikut pelan yang disertakan;
- (e) Untuk menjalankan pemajuan kejuruteraan / perlombongan / perindustrian



(f) pindaan kepada kebenaran merancang.

Penggunaan tanah yang sedia ada .....

Penggunaan bangunan yang sedia ada (jika ada) di atas tanah.....

.....

Kepentingan pemohon pada tanah: tuannya/penduduk/bakal pembeli/ kepentingan lain:

.....

2. Seperti yang dikehendaki oleh subkaedah 2(2), Kaedah-kaedah Pengawalan Perancangan (Am) Negeri Johor 2008, saya/kami sekarang menyerahkan semua dokumen-dokumen dan pelan-pelan yang relevan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

3. Seperti yang dikehendaki oleh kaedah 4, Kaedah-kaedah Pengawalan Perancangan (Am) Negeri Johor 2008, saya/kami sekarang menyerahkan bayaran sebanyak RM..... (Ringgit:.....) sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

Tarikh:.....

.....

(Tandatangan Pemohon / *Power of Attorney*)

Nama dan Jawatan :

No. Kad Pengenalan :

No. PA (*jika berkaitan*) :

No. Tel :

No. Faks :

E-mel :

+ *Tanda (✓) di kotak yang berkenaan*

\* *Potong mana yang tidak berkenaan*

---

**PERIHAL TANAH  
CARIAN RESMI**

Majlis\*Bandaraya/Perbandaran/Daerah:.....  
No. \* Geran/No.Pajakan/No.Hakmilik Sementara:.....  
Alamat:.....  
No. Lot: .....  
Jenis Penggunaan tanah mengikut geran / suratan hakmilik .....  
.....  
Mukim:.....  
Daerah :.....  
Negeri : Johor Darul Ta'zim

*(Jika permohonan melibatkan lebih daripada satu lot, lampirkan satu perihal sama bagi tiap-tiap lot lain itu)*

---

**PERSETUJUAN TUAN PUNYA TANAH**

Saya/kami.....

*(Nama tuan punya tanah)*

beralamat.....No. KPPN .....

tuan punya tanah yang diperihalkan di atas, bersetuju dengan pemajuan yang baginya kebenaran merancang dipohon dengan ini.

Tarikh: ..... ..

Tandatangan

*(Jika ada tuan punya lain, lampirkan persetujuan yang sama bagi tiap-tiap satu)*

---

**NAMA TUAN PUNYA TANAH-TANAH BERJIRANAN  
CARIAN RESMI  
( Bagi Kawasan Yang Tiada Rancangan Pemajuan )**

- |                 |                 |
|-----------------|-----------------|
| 1. Nama: .....  | 2. Nama: .....  |
| No. Lot : ..... | No. Lot: .....  |
| Alamat: .....   | Alamat: .....   |
| .....           | .....           |
| .....           | .....           |
| .....           | .....           |
| 3. Nama : ..... | 4. Nama : ..... |
| No. Lot : ..... | No. Lot : ..... |
| Alamat : .....  | Alamat : .....  |
| .....           | .....           |
| .....           | .....           |
| .....           | .....           |

---

***UNTUK KEGUNAAN RASMI SAHAJA***

---

No. Pendaftaran Permohonan Kebenaran Merancang : .....

No. Rujukan Fail. : .....

Nama Rancangan Tempatan : .....

Rancangan Tempatan \*telah diwartakan/belum diwartakan

No. Warta Rancangan Tempatan :.....

Tarikh terima : .....

---

**AKUAN TERIMA PERMOHONAN**

Pengarah Negeri JPBD Johor/Majlis \*Bandaraya/ Perbandaran/Daerah :

.....  
Negeri Johor dengan ini mengaku terima permohonan  
.....  
bertarikh ..... untuk kebenaran merancang berkenaan dengan  
pemajuan tanah yang mempunyai hak milik No. ....  
No. Lot ..... dalam Mukim .....  
dalam Daerah .....  
No. Permohonan Kebenaran Merancang : .....  
No.Rujukan Fail : .....

Tarikh: .....

Meterai .....

*(Nama dan Tandatangan Pengesahan  
Pegawai Berkuasa)*

---

JADUAL PERTAMA

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 2008

NEGERI JOHOR

**BORANG A(1)**

ARAHAN BERTULIS

[Subkaedah 2(3)]

Mengikut

Seksyen 21(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976

Kepada:

.....  
.....  
.....

*(Pemohon)*

Setelah membuat semakan ke atas permohonan tuan dan mengambil kira perkara-perkara yang dikehendaki oleh undang-undang, keperluan teknikal serta dokumen rancangan pemajuan yang ada, arahan bertulis seperti di Lampiran A dengan ini dikenakan kepada .....

*(Nama penuh pemohon dengan huruf besar)*

beralamat.....

.....

bagi tujuan.....

*(Nyatakan jenis pemajuan)*

nombor lot..... di dalam \*Mukim/Pecahan Bandar..... di dalam Daerah....., sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan nombor rujukan .....dan syarat-syarat teknikal yang dilampirkan.

2. Tuan dikehendaki mengembalikan rancangan (pelan) yang dipinda dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh notis ini dikeluarkan. Kegagalan untuk

---

\* Potong mana yang tidak berkenaan.



---

menyampaikan semula rancangan (pelan) yang telah dipinda dalam tempoh tersebut atau tempoh kebenaran yang dilanjutkan, permohonan kebenaran merancang itu disifatkan telah ditarik balik.

Tarikh: .....

METERAI .....

*(Nama dan Tandatangan  
Pegawai Berkuasa)*

---

## LAMPIRAN A

---

JADUAL PERTAMA

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 2008

NEGERI JOHOR

**BORANG A(2)**

MENUNAI ARAHAN BERTULIS

[Subkaedah 2(4)]

Mengikut

Seksyen 21(4) Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976

Kepada,

Pengarah Negeri JPBD Johor/Majlis \*Daerah/Perbandaran/Bandaraya :

.....  
.....  
.....

\*Saya/kami.....

*(Nama penuh pemohon dengan huruf besar)*

beralamat:.....

.....

No. KPPN ..... dengan ini mengemukakan semula permohonan kebenaran merancang seperti yang diarahkan oleh pihak tuan bernombor rujukan.....yang diberi kepada \*saya/kami pada.....untuk dipertimbangkan semula bagi kelulusan kebenaran merancang dengan pemajuan yang dicadangkan di atas lot nombor..... di dalam \*Mukim/Pecahan Bandar..... di dalam Daerah .....

Tarikh: .....

.....

*(Tandatangan Pemohon)*

---

\* Potong mana yang tidak berkenaan.

---

JADUAL PERTAMA

KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 2008  
NEGERI JOHOR

**BORANG B**

PERMOHONAN BAGI \*PERLANJUTAN / PERLANJUTAN TAMBAHAN  
KEBENARAN MERANCANG

[ Kaedah 3 ]

Mengikut

Subseksyen 24(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Kepada Pihak Berkuasa Perancang Tempatan,  
Pengarah Negeri JPBD Johor/Majlis \*Bandaraya/ Perbandaran/Daerah,

.....  
.....  
.....

Saya/kami.....

*(Nama penuh pemohon dengan huruf besar)*

beralamat:.....  
.....

NO. KPPN ..... dengan ini memohon \*perlanjutan / perlanjutan  
tambahan kebenaran merancang Nombor Rujukan .....yang  
diberi kepada saya / kami pada .....

*(Tarikh)*

berkenaan dengan pemajuan yang dicadangkan diatas lot nombor  
..... di dalam Mukim / Pecahan / Bandar .....  
di dalam Daerah .....

2. Saya / kami belum memulakan pemajuan dan tidak akan dapat berbuat  
demikian sebelum kebenaran merancang luput, di atas sebab-sebab berikut:

.....  
.....  
.....

---

3. Saya / kami lampirkan resit No. .... bagi jumlah wang RM ..... (Ringgit Malaysia: .....) yang dikeluarkan kepada saya / kami pada ..... bagi Fi untuk  
(*Tarikh*)  
permohonan asal saya / kami untuk kebenaran merancang.

Tarikh: .....  
(Tandatangan Pemohon / Power of Attorney)

Nama dan Jawatan :  
No. Kad Pengenalan :  
No. PA (jika berkaitan) :  
No. Tel :  
No. Faks :  
E-mel :

---

***UNTUK KEGUNAAN RASMI SAHAJA***

---

No. Permohonan Kebenaran Merancang : .....  
No. Rancangan (Pelan) Tempatan : .....  
Jenis penggunaan dalam Rancangan (Pelan)Tempatan : .....  
Nisbah plot dalam Rancangan (Pelan) Tempatan: .....  
Tarikh \*kebenaran merancang/perlanjutan akhir: .....  
Tarikh tamat tempoh \*kebenaran merancang/perlanjutan akhir: .....

---

\* *Potong mana yang tidak berkenaan.*

---

JADUAL PERTAMA

KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 2008  
NEGERI JOHOR

**BORANG C(1)**  
KEBENARAN MERANCANG  
[ Subkaedah 9(1) ]

Mengikut  
Subseksyen 22(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Nombor Rujukan: .....

KEBENARAN MERANCANG adalah dengan ini diberi kepada

.....

*(Nama penuh pemohon dengan huruf besar)*

beralamat.....

.....

bagi maksud.....

*(Nyatakan jenis pemajuan)*

oleh Pengarah Negeri JPBD Johor/Majlis \*Bandaraya/Perbandaran/Daerah seperti yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Majlis Penuh Bil.....

bertarikh..... sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan lulus No. ....

bagi Lot ....., Mukim ....., Daerah ....., Negeri Johor. Kebenaran Merancang tersebut adalah dengan ini diberi dari tarikh .....

Pemberian kebenaran merancang adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti yang di lampirkan.

---

**LAMPIRAN**

---

---

Tarikh: .....

METERAI .....

*(Nama dan Tandatangan Pengesahan  
Pegawai Berkuasa)*

**Nota :**

1. Mengikut peruntukan perenggan 23(1)(a), tuan berhak membuat rayuan di atas keputusan yang dibuat oleh Pihak berkuasa perancang tempatan dalam tempoh satu bulan dari tarikh keputusan itu disampaikan.
2. Rayuan hendaklah dialamatkan kepada Pendaftar Lembaga Rayuan Negeri Johor.
3. Pemberitahuan hendaklah dibuat kepada agensi-agensi seperti di bawah:
  - a. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri;
  - b. PTG; dan
  - c. Agensi-agensi pelaksana yang berkaitan mengikut keperluan.

---

JADUAL PERTAMA

KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 2008  
NEGERI JOHOR

**BORANG C(2)**

PENOLAKAN KEBENARAN MERANCANG

[ Subkaedah 9(2) ]

Mengikut

Subseksyen 22(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Kepada:

.....  
.....  
.....

Oleh Pengarah Negeri JPBD Negeri Johor/Majlis \*Bandaraya/Perbandaran/Daerah seperti yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Majlis Penuh Bil..... bertarih..... setelah menimbangkan permohonan tuan dan mengambilkira perkara-perkara yang dikehendaki oleh undang-undang dengan ini membuat keputusan menolak kebenaran merancang yang dipohon oleh.....

*(Nama penuh pemohon dengan huruf besar)*

beralamat..... bagi  
tujuan.....

*(Nyatakan jenis pemajuan)*

No.Lot..... dalam Mukim.....,  
Daerah..... Negeri Johor

Penolakan kebenaran merancang adalah berdasarkan kepada perkara-perkara seperti yang dilampirkan.

---

**LAMPIRAN**

---



---

Tarikh: .....

METERAI .....

*Pengarah Negeri JPBD Johor/Datuk Bandar/Yang DiPertua  
Majlis\*Bandaraya/Perbandaran/Daerah/Pegawai yang diberi Kuasa  
(Nama dan Tandatangan Pengesahan)  
Pegawai Berkuasa*

*Nota:*

- 1. Mengikut peruntukan perenggan 23(1)(a), tuan berhak membuat rayuan di atas keputusan yang dibuat oleh Pihak berkuasa perancang tempatan dalam tempoh satu bulan dari tarikh keputusan itu disampaikan.*
- 2. Rayuan hendaklah dialamatkan kepada Pendaftar Lembaga Rayuan Negeri Johor*

---

## JADUAL KEDUA

### DOKUMEN-DOKUMEN DAN PELAN YANG HENDAKLAH DISERTAKAN DENGAN PERMOHONAN UNTUK KEBENARAN MERANCANG

#### [Subkaedah 2(2) ]

1. Bilangan salinan pelan tiap-tiap satu mengikut keperluan, dan apa-apa salinan tambahan yang dikehendaki oleh pihak berkuasa perancang tempatan, akan pelan tapak atau pelan susun atur yang ditandatangani oleh pemohon, pemunya tanah berdaftar dan orang yang menyediakan pelan itu.

Pelan mestilah:

- (a) dilukis mengikut skala yang sesuai beza antara 1:200 hingga 1:1000 atau yang setara dengannya, termasuk suatu pelan punca yang dilukis mengikut skala 1 inci bagi 1.6 km atau 1:50,000 meliputi kawasan dalam jarak lingkungan 5 km dari pemajuan yang dicadangkan itu; dan tunjukkan semua penanda batu jarak lingkungan itu;
- (b) menunjukkan tapak sebenar di mana bangunan yang dicadangkan itu akan didirikan atau, mengenai bangunan yang sedia ada, tapak sebenar di mana bangunan itu berdiri;
- (c) menunjukkan nombor lot dan kawasan tanah;
- (d) menunjukkan dengan jelas dengan warna-warna yang sesuai pelbagai penggunaan tanah itu;
- (e) menunjukkan kedudukan, hujung, persilangan, dan lebar semua jalan baru yang dicadangkan hendak dirizabkan, disusun atur atau dibina di atas tanah itu;

- 
- (f) menunjukkan sistem perparitan, aliran permukaan dan sistem takungan yang keluar ke sungai dan sistem kumbahan ke loji rawatan yang dicadangkan adalah tertakluk kepada syarat ianya tidak mengganggu saluran semula jadi di kawasan terbabit;
  - (g) menunjukkan jalan masuk yang sah dari tapak ke jalan raya;
  - (h) menunjukkan jenis-jenis kegunaan dan struktur binaan di tanah berjiranan kepada tanah yang hendak dibangunkan, yang mana tanah berjiranan tersebut akan memberi kesan atau menerima kesan daripada pembangunan yang hendak dijalankan di atas tanah tersebut;
  - (i) menunjukkan garisan bangunan dan anjakan belakang dari simpanan jalan;
  - (j) menunjukkan pengekalan seni taman/pokok selaras dengan seksyen 35 Akta ke atas pemajuan yang dicadangkan;
  - (k) menunjukkan Garisan Kontur mengikut jeda di antara 1 hingga 5 meter;
  - (l) menunjukkan tanda utara dan skala;
  - (m) susunan tempat letak kereta;
  - (n) menyediakan ruang syarat teknikal dan ruang syarat kelulusan pihak berkuasa perancang tempatan di atas pelan;
  - (o) menunjukkan jenis permohonan;
  - (p) menunjukkan skala pemajuan;
  - (q) menunjukkan kepadatan, nisbah plot (jika berkenaan);
  - (r) kajian Kawasan Sensitif Alam Sekitar (EIA); dan

- 
- (s) kos.
2. Suatu pernyataan yang memperihalkan pemajuan yang dicadangkan iaitu Laporan Cadangan Pemajuan (LCP).
  3. Salinan benar hakmilik tanah yang diperakui.
  4. Dokumen-dokumen sah untuk menjamin adanya laluan yang sah dari tapak ke jalan raya.
  5. Bilangan salinan pelan tiap-tiap satu mengikut keperluan, dan apa-apa salinan-salinan tambahan yang dikehendaki oleh pihak berkuasa perancang tempatan, akan lakaran pelan bangunan yang dicadangkan atau tambahan-tambahan yang dicadangkan atau perubahan-perubahan kepada bangunan yang sedia ada, yang menunjukkan aras, bahagian dan kegunaan-kegunaan yang dicadangkan bagi tiap-tiap tingkat dan ukuran masing-masing.
  6. Suatu contoh atau ilustrasi mengikut perspektif pemajuan yang dicadangkan jika dikehendaki oleh pihak berkuasa perancang tempatan.
  7. Bergantung kepada jenis permohonan, dokumen-dokumen sokongan seperti penilaian kesan sosial, penilaian kesan ke atas lalu lintas, laporan lengkap pelan kawalan hakisan dan kelodak, laporan geoteknikal dan geologi serta sistem perparitan yang diperakui yang disediakan dan disahkan oleh professional bertauliah bidang berkaitan serta surat kelulusan oleh para professional ini.

---

JADUAL KETIGA

KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 2008  
NEGERI JOHOR

**BAHAGIAN SATU**

FI PERMOHONAN UNTUK KEBENARAN MERANCANG

[ Kaedah 4 ]

Mengikut

Perenggan 58 (2)(j) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

<i>BIL</i>	<i>Jenis Dan Komponen Pemajuan</i>	<i>Majlis Bandaraya Dan Majlis Perbandaran (ruang 2)(RM)</i>	<i>Majlis Daerah (ruang 3) (RM)</i>
<b>1.</b>	<b>UNTUK MENDIRIKAN BANGUNAN BARU DI ATAS TANAH KOSONG ATAU MENGGANTIKAN BANGUNAN YANG SEDIA ADA DI ATAS SESUATU TANAH</b>		
<b>A.</b>	<b>KEDIAMAN</b> i) 100 unit pertama ii) 100 unit yang berikutnya iii) Lebih 200 unit	RM 30.00 / unit RM 25.00 / unit RM 20.00 / unit	RM 25.00 / unit RM 20.00 / unit RM 15.00 / unit
<b>B.</b>	<b>PERINDUSTRIAN</b> i) Keluasan lantai 100 m.p pertama ii) 75 m.p yang berikutnya iii) 50m.p yang berikutnya	RM 55.00 RM 35.00 RM 30.00	RM 50.00 RM 30.00 RM 25.00

<b>C.</b>	<b>PERDAGANGAN DAN INSTITUSI PENDIDIKAN SWASTA</b> i) Keluasan lantai 100 m.p pertama ii) 75 m.p yang berikutnya iii) 50 m.p yang berikutnya	RM 50.00 RM 30.00 RM 25.00	RM 45.00 RM 25.00 RM 20.00
<b>D.</b>	<b>HOTEL / RUMAH PENGINAPAN</b>	RM 10.00 / Bilik	RM 10.00 / Bilik
<b>E.</b>	<b>STESEN MINYAK</b>	RM 1,000.00 / Permohonan	RM 750.00 / Permohonan
<b>F.</b>	<b>PADANG GOLF</b>	RM 1,000.00 / Permohonan	RM 750.00 / Permohonan
<b>G.</b>	<b>KEMUDAHAN MASYARAKAT</b>  i) Pendidikan  ii) Kesihatan, Bomba, Polis dan lain-lain  Bagi penyediaan rizab untuk tujuan kemudahan masyarakat dalam sesuatu pelan susun atur, fi RM 30.00 dikenakan bagi setiap rizab yang disediakan.	RM 1,000.00 / Permohonan  RM 500.00 / Permohonan	RM 1,000.00 / Permohonan  RM 500.00 / Permohonan

<p><b>H.</b></p>	<p><b>INFRASTRUKTUR DAN UTILITI</b></p> <p>i) Menara Telekomunikasi</p> <p>ii) Paip Minyak / Gas</p> <p>iii) Ibusawat / Bekalan Elektrik</p> <p>iv) Sistem pembentungan</p> <p>v) Tapak / Stesen Transit Sisa Pepejal</p>	<p>RM 500.00 / Permohonan</p> <p>RM 500.00 / Permohonan</p> <p>RM 500.00 / Permohonan</p> <p>RM 500.00 / Permohonan</p> <p>RM 500.00 / Permohonan</p>	<p>RM 500.00 / Permohonan</p> <p>RM 500.00 / Permohonan</p> <p>RM 500.00 / Permohonan</p> <p>RM 500.00 / Permohonan</p> <p>RM 500.00 / Permohonan</p>
<p><b>I.</b></p>	<p><b>LAIN-LAIN</b></p> <p>i) Marina</p> <p>ii) Kubur / Krematorium / Palor Swasta</p> <p>iii) Tempat Letak Kereta</p> <p>iv) Tempat Letak Kereta Berat</p>	<p>RM 1,000.00 / Permohonan</p> <p>RM 2,000.00 Hektar</p> <p>RM 2.00 / Bay</p> <p>RM 5.00 / Bay</p>	<p>RM 1,000.00 / Permohonan</p> <p>RM 2,000.00 Hektar</p> <p>RM 2.00 / Bay</p> <p>RM 5.00 / Bay</p>
<p><b>J.</b></p>	<p><b>PEMBANGUNAN BERCAMPUR</b> (kediaman dan bukan kediaman)</p>	<p>Seperti fi yang dikenakan dalam ruangan 2, perenggan A hingga I</p>	<p>Seperti fi yang dikenakan dalam ruangan 2, perenggan A hingga I</p>

*Sambungan*

<b>BIL</b>	<b>Jenis Dan Komponen Pemajuan</b>	<b>Majlis Bandaraya Dan Majlis Perbandaran (ruang 2)(RM)</b>	<b>Majlis Daerah (ruang 3) (RM)</b>
1.	<p><b>UNTUK MEMBUAT TAMBAHAN / PERUBAHAN KE ATAS SESUATU BANGUNAN</b></p> <p>i) untuk tambahan / perubahan yang melibatkan tambahan bilangan unit / ruang lantai</p> <p>ii) untuk tambahan / perubahan bagi setiap tambahan yang tidak melibatkan tambahan unit/ ruang lantai</p>	<p>Fi yang dikenakan dalam ruang 2 , perenggan A hingga I bagi setiap tambahan unit / ruang lantai</p> <p>RM 30.00 / permohonan</p>	<p>Fi yang dikenakan dalam ruang 2 , perenggan A hingga I bagi setiap tambahan unit / ruang lantai</p> <p>RM 30.00 / permohonan</p>
2.	<p><b>UNTUK MEMBUAT PERUBAHAN YANG MATAN PADA KEGUNAAN TANAH</b></p>	<p>RM 30.00 / Permohonan</p>	<p>RM 30.00 / Permohonan</p>
3.	<p><b>UNTUK MEMBUAT PERUBAHAN YANG MATAN PADA KEGUNAAN BANGUNAN</b></p>	<p>RM 30.00 / Permohonan</p>	<p>RM 30.00 / Permohonan</p>

*Nota*

*\* Tertakluk kepada pihak berkuasa perancang tempatan berkenaan*



---

**BAHAGIAN TIGA**

**FI TAMBAHAN UNTUK PERMOHONAN UNTUK KEBENARAN  
MERANCANG**

<i>BIL</i>	<i>Jenis Dan Komponen Pemajuan</i>	<i>Majlis Bandaraya Dan Majlis Perbandaran (ruang 2)</i>	<i>Majlis Daerah (ruang 3)</i>
7.	UNTUK KEMAJUAN TANPA KEBENARAN MERANCANG ATAU KELULUSAN PELAN BANGUNAN	Sepuluh kali ganda fi yang dikenakan dalam ruang 2, BAHAGIAN SATU	Sepuluh kali ganda fi yang dikenakan dalam ruang 3, BAHAGIAN SATU

*Nota*

*\* Tertakluk kepada pihak berkuasa perancang tempatan berkenaan*

---

BAHAGIAN DUA

FI BAGI PERMOHONAN UNTUK MELANJUTKAN ATAU MELANJUTKAN  
LAGI KEBENARAN MERANCANG

[ **Kaedah 4** ]

Mengikut

Perenggan 24(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

<i><b>BIL</b></i>	<i><b>Jenis Dan Komponen Pemajuan (ruang 1)</b></i>	<i><b>Majlis Bandaraya Dan Majlis Perbandaran (ruang 2)</b></i>	<i><b>Majlis Daerah (ruang 3)</b></i>
1.	<b>UNTUK SEMUA JENIS DAN KOMPONEN PEMAJUAN</b>	50 % Daripada fi yang dikenakan dalam ruang 2, BAHAGIAN SATU	50 % Daripada fi yang dikenakan dalam ruang 3, BAHAGIAN SATU

*Nota*

*\* Tertakluk kepada pihak berkuasa perancang tempatan berkenaan*

---

JADUAL KEEMPAT

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 2008

NEGERI JOHOR

**BORANG A**

NOTIS KEPADA PEMUNYA TANAH BERJIRAN

[Subkaedah 7(1)]

Mengikut

Subseksyen 21(6) Akta Perancangan Bandar Dan Desa, 1976

Kepada:

.....  
.....  
.....

*(Pemunya Tanah Berjiran)*

AMBIL PERHATIAN bahawa.....

*(Pihak berkuasa perancang tempatan)*

Negeri..... telah menerima suatu permohonan daripada .....

*(Nama penuh pemohon dengan huruf besar)*

beralamat .....

.....  
untuk kebenaran merancang bagi maksud .....

*(Nyatakan jenis pemajuan)*

di atas lot nombor.....di dalam \*Mukim / Pecahan Bandar.....

di dalam Daerah..... di dalam Negeri Johor.

NOTIS INI adalah untuk memaklumkan kepada kamu tentang hak kamu, sebagai pemunya tanah yang berjiran dengan tanah yang berkaitan dengan permohonan, untuk membantah permohonan itu dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh notis ini disampaikan.

---

\* Potong mana yang tidak berkenaan.

---

Bantahan mesti disertakan dengan suatu kenyataan dengan alasan-alasan baginya.

Dalam menimbangkan permohonan itu, pihak berkuasa perancang tempatan akan mengambil apa-apa bantahan yang kamu buat dan alasan-alasannya untuk pertimbangan, dan kamu akan diberitahu berkenaan keputusan pihak berkuasa perancang tempatan dalam perkara itu.

Butir-butir mengenai pemajuan yang dicadangkan itu boleh didapati dari pejabat pihak berkuasa perancang tempatan.

Tarikh: .....

METERAI .....

*(Nama dan Tandatangan  
Pegawai Berkuasa)*

---

JADUAL KEEMPAT

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 2008

NEGERI JOHOR

**BORANG B**

NOTIS KEPADA PEMBANTAH AKAN PEMBERIAN

KEBENARAN MERANCANG

[Kaedah 10]

Mengikut

Subseksyen 22(6) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.

Kepada:

.....  
.....  
.....

*(Pembantah)*

AMBIL PERHATIAN bahawa.....

*(Pihak berkuasa perancang tempatan)*

selepas mendengar bantahan kamu dan dengan mengambil pertimbangan perkara-perkara yang dikehendaki oleh undang-undang, telah memutuskan untuk memberi kebenaran merancang kepada .....

*(Nama penuh pemohon dengan huruf besar)*

beralamat.....

bagi maksud.....

*(Nyatakan jenis pemajuan)*

di atas lot nombor.....di dalam \*Mukim / Pecahan Bandar .....

di dalam Daerah..... Negeri Johor

- INI ADALAH UNTUK MEMBERITAHU KAMU bahawa pihak berkuasa perancang tempatan tidak mencapai apa-apa keputusan menyokong bantahan kamu.

---

\* Potong mana yang tidak berkenaan.

- 
- Pihak berkuasa perancang tempatan telah memberi kebenaran merancang tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

.....  
.....  
.....

Tarikh: .....

METERAI .....

*Nama dan Tandatangan  
Pegawai Berkuasa*

*Nota:*

1. *Mengikut peruntukan perenggan 23(1)(a), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, pemohon berhak membuat rayuan atas keputusan yang dibuat oleh pihak berkuasa perancang tempatan dalam tempoh satu bulan dari tarikh keputusan itu disampaikan.*
2. *Rayuan hendaklah dialamatkan kepada Pendaftar Lembaga Rayuan Negeri Johor*

---

JADUAL KEEMPAT

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 2008  
NEGERI JOHOR

**BORANG C(1)**

PERINTAH MEMBATALKAN KEBENARAN MERANCANG ATAU  
KELULUSAN PELAN BANGUNAN

[Subkaedah 11(1)]

Mengikut

Subseksyen 25(1), Akta Perancangan bandar dan Desa 1976

Nombor Rujukan: .....

BAHAWASANYA pada pendapat pihak berkuasa perancang tempatan, adalah untuk kepentingan awam supaya dibatalkan \*kebenaran merancang/kelulusan pelan bangunan dengan nombor rujukan.....yang diberi kepada ..... pada..... di bawah subseksyen 22(3) (*Nama penuh pemohon dengan huruf besar*) (*tarikh*) Akta, Perancangan Bandar dan Desa 1976:

Pihak berkuasa perancang tempatan, pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 25(1) Akta tersebut, dengan ini memerintahkan supaya \*kebenaran merancang / kelulusan pelan bangunan dibatalkan.

..... dikehendaki merobohkan \*bangunan-bangunan / bangunan yang didirikan menurut \*kebenaran merancang / kelulusan pelan bangunan dalam tempoh ..... dari tarikh pengesahan perintah ini oleh Jawatankuasa Perancang Negeri.

---

\* Potong mana yang tidak berkenaan.

---

Pihak berkuasa perancang tempatan bersedia membayar ganti  
..... tersebut wang sebanyak RM .....  
(Ringgit Malaysia: .....) berkenaan dengan kos  
yang dilakukan oleh kamu pada menjalankan perobohan itu.

Tarikh: .....

METERAI .....

*Nama dan Tandatangan  
Pegawai Berkuasa*



---

**TAMBAHAN**

Kepada:

.....  
.....  
.....

AMBIL PERHATIAN bahawa pihak berkuasa perancang tempatan telah memerintahkan pembatalan \*kebenaran merancang/kelulusan pelan bangunan dengan nombor rujukan ..... yang diberi kepada kamu pada ..... Satu salinan perintah tersebut adalah dengan ini disampaikan kepada kamu menurut subkaedah 11(2) KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 2008 Negeri Johor.

Pembatalan tersebut telah disahkan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri pada.....

Kamu boleh, melalui tempoh enam bulan selepas perintah ini disampaikan, dengan menggunakan Borang A dalam Jadual Kelima kepada KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 2008 Negeri Johor, membuat tuntutan pampasan daripada pihak berkuasa perancang tempatan bagi apa-apa perbelanjaan yang kamu telah lakukan pada menjalankan kerja-kerja untuk melaksanakan \*kebenaran / kelulusan sebelum pembatalannya.

Tarikh: .....

METERAI .....

*Nama dan Tandatangan  
Pegawai Berkuasa*

---

\* Potong mana yang tidak berkenaan.

---

JADUAL KEEMPAT

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 2008

NEGERI JOHOR

**BORANG C(2)**

PERINTAH MENGUBAH SUAI KEBENARAN MERANCANG ATAU

KELULUSAN PELAN BANGUNAN

[Subkaedah 11(2)]

Mengikut

Subseksyen 25(1), Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976

Nombor Rujukan: .....

BAHAWASANYA pada pendapat pihak berkuasa perancang tempatan, adalah untuk kepentingan awam supaya diubahsuai \*kebenaran merancang / kelulusan pelan bangunan dengan nombor rujukan ..... yang diberi kepada.....pada..... di bawah subseksyen 22(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976:

Pihak berkuasa perancang tempatan, pada menjalankan kuasa-kuasanya di bawah subseksyen 25(1) Akta tersebut, dengan ini memerintahkan supaya \*kebenaran merancang / kelulusan pelan bangunan tersebut diubahsuai sebagaimana yang ditetapkan dalam arahan-arahan yang dilampirkan bersama perintah ini.

Tarikh: .....

METERAI .....

*Nama dan Tandatangan  
Pegawai Berkuasa*

---

\* Potong mana yang tidak berkenaan

---

TAMBAHAN

Kepada :

.....  
.....  
.....

AMBIL PERHATIAN bahawa pihak berkuasa perancang tempatan telah memerintahkan supaya diubahsuai \*kebenaran merancang / kelulusan pelan bangunan dengan nombor rujukan ..... yang diberi kepada kamu pada ..... Satu salinan perintah itu adalah dengan ini disampaikan kepada kamu menurut subkaedah 11(2) KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 2008 Negeri Johor.

Pengubahsuaian tersebut telah disahkan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri pada .....

KAMU boleh, dalam tempoh enam bulan selepas perintah ini disampaikan, dengan menggunakan Borang B Jadual Kelima kepada KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 2008 Negeri Johor menuntut daripada pihak berkuasa perancang tempatan, kos yang munasabah dilakukan oleh kamu pada menjalankan ubahsuaian itu, iaitu kos yang tentu tidak dilakukan oleh kamu jika tidak diperintahkan ubahsuaian itu dijalankan, dan pampasan bagi apa-apa kerugian yang kamu alami akibat daripada ubahsuaian itu.

Tarikh: .....

METERAI .....

*Nama dan Tandatangan  
Pegawai Berkuasa*

---

\* Potong mana yang tidak berkenaan

---

JADUAL KEEMPAT

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 2008

NEGERI JOHOR

**BORANG D**

NOTIS MEMULIHKAN SEMULA TANAH DAN BANGUNAN KEPADA  
KEADAAN ASAL DALAM HAL PEMAJUAN TANPA KEBENARAN  
MERANCANG

[Subkaedah 13(1)]

Mengikut

Perenggan 27(2)(a), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Kepada:

(1).....  
.....  
.....  
.....

*(Pemunya)*

(2).....  
.....  
.....  
.....

*(Penduduk)*

BAHAWASANYA pada pendapat pihak berkuasa perancang tempatan, pemajuan yang butir-butirnya diberi di bawah ini telah dijalankan tanpa kebenaran merancang:

---

DAN BAHAWASANYA pihak berkuasa perancang tempatan berpuas hati bahawa, sesuatu permohonan untuk \*kebenaran merancang / perlanjutan kebenaran merancang berkenaan dengan pemajuan itu telah dibuat di bawah \*seksyen 22 / subseksyen 24(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 sebelum pemajuan dimulakan, diusahakan, atau dijalankan, dan pada menjalankan kuasa-kuasanya dengan wajar, pihak berkuasa perancang tempatan telah enggan memberi kebenaran merancang bagi pemajuan itu:

KAMU dengan ini adalah dikehendaki mematuhi dalam tempoh ..... mulai tarikh notis ini disampaikan, dengan kehendak-kehendak yang dinyatakan di bawah ini, supaya tanah itu dipulihkan semula setakat yang mungkin seperti keadaan sebelum pemajuan itu dimulakan.

AMBIL PERHATIAN bahawa, menurut subseksyen 27(9) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, kegagalan mematuhi apa-apa kehendak notis ini dalam tempoh yang ditentukan adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan denda tambahan sehingga lima ribu ringgit bagi setiap satu hari kegagalan itu diteruskan selepas sabitan yang pertama bagi kesalahan itu.

Tarikh: .....

METERAI .....

*Nama dan Tandatangan  
Pegawai Berkuasa*

---

\* Potong mana yang tidak berkenaan

---

**BUTIR-BUTIR PEMAJUAN**

Lot: .....

Mukim / Pecahan Bandar: .....

Daerah: .....

Negeri : Johor Darul Ta'zim

Jenis Pemajuan: .....

---

**KEHENDAK-KEHENDAK YANG PERLU DIPATUHI**

Tarikh: .....

METERAI .....

*Nama dan Tandatangan  
Pegawai Berkuasa*

---

JADUAL KEEMPAT

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 2008

NEGERI JOHOR

**BORANG E**

NOTIS MENGHENTIKAN PEMAJUAN DAN MEMULIHKAN SEMULA TANAH  
DAN BANGUNAN KEPADA KEADAAN ASAL DALAM HAL PEMAJUAN  
TANPA KEBENARAN MERANCANG

[Subkaedah 13(2)]

Mengikut

Perenggan 27(2)(b), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Kepada:

(1).....  
.....  
.....  
.....

*(Pemunya)*

(2).....  
.....  
.....  
.....

*(Orang yang menjalankan pemajuan)*

BAHAWASANYA pada pendapat pihak berkuasa perancang tempatan,  
pemajuan yang butir-butirnya diberi di bawah ini sedang dijalankan tanpa kebenaran  
merancang:

DAN BAHAWASANYA pihak berkuasa perancang tempatan berpuas hati  
bahawa, sesuatu permohonan untuk \*kebenaran merancang / perlanjutan kebenaran

---

\* Potong mana yang tidak berkenaan.

---

merancang berkenaan dengan pemajuan itu telah dibuat di bawah \*seksyen 22 / subseksyen 24(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 sebelum pemajuan dimulakan, diusahakan, atau dijalankan, dan pada menjalankan kuasa-kuasanya dengan wajar, pihak berkuasa perancang tempatan telah enggan memberi kebenaran merancang bagi pemajuan itu:

KAMU dengan ini adalah dikehendaki menghentikan pemajuan dengan serta-merta dan mematuhi, dalam tempoh ..... mulai tarikh notis ini disampaikan, dengan kehendak-kehendak yang dinyatakan di bawah ini, supaya tanah itu dipulihkan semula setakat yang mungkin seperti keadaannya sebelum pemajuan itu dimulakan.

**AMBIL PERHATIAN-**

- (a) Bahawa, menurut subseksyen 27(6) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, tindakan meneruskan pemajuan tersebut selepas notis ini disampaikan adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan denda tambahan sehingga lima ribu ringgit bagi setiap hari pemajuan itu dijalankan selepas sabitan yang pertama bagi kesalahan itu; dan
  
- (b) bahawa, menurut subseksyen 27(9) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, kegagalan mematuhi apa-apa kehendak notis ini dalam tempoh yang ditentukan adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan denda tambahan sehingga lima ribu ringgit bagi setiap hari kegagalan itu diteruskan selepas sabitan yang pertama bagi kesalahan itu.

Tarikh: .....

METERAI .....

*Nama dan Tandatangan  
Pegawai Berkuasa*

---



---

**BUTIR-BUTIR PEMAJUAN**

Lot: .....

Mukim / Pecahan Bandar: .....

Daerah: .....

Negeri : Johor Darul Ta'zim

Jenis Pemajuan: .....

---

**KEHENDAK-KEHENDAK YANG PERLU DIPATUHI**

Tarikh: .....

METERAI .....

*Nama dan Tandatangan  
Pegawai Berkuasa*

---

JADUAL KEEMPAT

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 2008  
NEGERI JOHOR

**BORANG F**

NOTIS MENGHENDAKI SUPAYA PERMOHONAN KEBENARAN  
MERANCANG DIKEMUKAKAN DALAM HAL PEMAJUAN TANPA  
KEBENARAN MERANCANG

[Subkaedah 13(3)]

Mengikut

Subseksyen 27(3), Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976

Kepada:

.....  
.....  
.....

*(Pemunya/penduduk/orang yang menjalankan pemajuan)*

BAHAWASANYA pada pendapat pihak berkuasa perancang tempatan, pemajuan yang butir-butirnya diberi di bawah ini \*telah/sedang dijalankan tanpa kebenaran merancang:

KAMU dengan ini adalah dikehendaki memohon kebenaran merancang bagi pemajuan tersebut dalam tempoh ..... mulai tarikh notis ini disampaikan.

Pemberian notis ini tidak boleh ditafsirkan sebagai persetujuan untuk memberi kebenaran merancang dan seharusnya tidak menyentuh kuasa pihak berkuasa perancang tempatan bagi menolak permohonan kebenaran merancang.

Tarikh: .....

METERAI .....

*Nama dan Tandatangan  
Pegawai Berkuasa*

---

\* Potong mana yang tidak berkenaan.

---

**BUTIR-BUTIR PEMAJUAN**

Lot: .....

Mukim / Pecahan Bandar: .....

Daerah: .....

Negeri : Johor Darul Ta'zim

Jenis Pemajuan: .....

---

JADUAL KEEMPAT

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 2008  
NEGERI JOHOR

**BORANG G**

NOTIS MENGHENTIKAN PEMAJUAN DALAM HAL PEMAJUAN TANPA  
KEBENARAN MERANCANG

[Subkaedah 13(4)]

Mengikut

Subseksyen 27(4) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Kepada:

(1).....  
.....  
.....  
.....

*(Pemunya)*

(2).....  
.....  
.....  
.....

*(Orang yang menjalankan pemajuan)*

BAHAWASANYA pada pendapat pihak berkuasa perancang tempatan, pemajuan yang butir-butirnya diberi di bawah ini sedang dijalankan tanpa kebenaran merancang:

KAMU dengan ini dikehendaki menghentikan pemajuan dengan serta merta.

---

AMBIL PERHATIAN bahawa, menurut subseksyen 27(6) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, kegagalan menghentikan pemajuan tersebut selepas notis ini disampaikan adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan denda tambahan sehingga lima ribu ringgit bagi setiap satu hari pemajuan itu dijalankan selepas sabitan yang pertama bagi kesalahan itu.

Tarikh: .....

METERAI .....

*Nama dan Tandatangan  
Pegawai Berkuasa*

**BUTIR-BUTIR PEMAJUAN**

Lot: .....

Mukim / Pecahan Bandar: .....

Daerah: .....

Negeri: Johor Darul Ta'zim

Jenis Pemajuan: .....

---

JADUAL KEEMPAT

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 2008  
NEGERI JOHOR

**BORANG H**

NOTIS SUPAYA TANAH DIPULIHKAN SEMULA KEPADA KEADAAN ASAL  
SELEPAS KEGAGALAN UNTUK MEMOHON ATAU MENDAPAT  
KEBENARAN MERANCANG

[Subkaedah 13(5)]

Mengikut

Subseksyen 27(8) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Kepada:

.....  
.....  
.....

*(Pemunya / penduduk / orang yang menjalankan pemajuan)*

BAHAWASANYA melalui notis dengan nombor rujukan .....  
dan tarikh pada ..... pihak berkuasa perancang tempatan menghendaki  
..... memohon

*(Pemunya / penduduk / orang yang menjalankan pemajuan)*

untuk kebenaran merancang berkenaan dengan pemajuan yang butir-butirnya diberi di  
bawah ini yang pada pendapat pihak berkuasa perancang tempatan \*telah/sedang  
dijalankan tanpa kebenaran merancang:

DAN BAHAWASANYA \*permohonan bagi kebenaran merancang tidak  
dibuat dalam tempoh yang ditentukan / permohonan bagi kebenaran merancang yang  
dibuat menurut notis tersebut ditolak:

---

\* Potong mana yang tidak berkenaan.

---

KAMU dengan ini dikehendaki mematuhi, dalam tempoh.....  
mulai tarikh notis ini disampaikan, kehendak-kehendak yang dinyatakan di bawah ini  
supaya tanah itu dipulihkan semula setakat yang mungkin seperti keadaannya sebelum  
pemajuan itu dimulakan.

AMBIL PERHATIAN bahawa, menurut subseksyen 27(9) Akta Perancangan  
